



Belacan Melaka
tawan hati pengguna 20



KenTeam pemilik
baharu MUFC 22



M-WEZ kini tumpuan pelabur

MELAKA Waterfront Economic Zone (M-WEZ) yang dilancarkan secara rasmi oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali pada 8 April lepas, menyaksikan tiga MoU dimeterai membabitkan Telekom Malaysia Berhad, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Leaptac Engineering Sdn Bhd. **2,3&4**

Pembangunan mampan berteknologi pintar dan hijau

Muhd Rizanizam Hamid

KUALA LUMPUR — Koridor ekonomi pesisir laut berimpak tinggi, Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) akan berteraskan pembangunan yang mampan dan berdaya maju bagi menarik pelaburan domestik dan asing dalam revolusi industri 4.0 yang disokong oleh teknologi pintar dan hijau.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, koridor itu akan berada di tanah seluas 10,117 hektar di pesisir laut dan ditambak dengan jarak 33 kilometer dari utara Melaka berhampiran Sungai Udang hingga ke selatan di Umbai.

"Terdapat dua sebab utama mengapa kita memilih koridor iaitu kerana M-WEZ akan menyelesaikan 'teka-teki jigsaw' pembangunan koridor ekonomi di seluruh negara."

"Keduanya, sehingga kini Melaka adalah satu-satunya negeri tanpa koridor," katanya dalam ucapan perasmian ketika melancarkan M-WEZ di hadapan kira-kira 500 jemputan kenamaan termasuk para pelabur dari dalam dan luar negara di sebuah hotel di ibu negara 8 April lalu.

Hadir sama Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim

Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif M-WEZ, Mohd Yusof Abu Bakar, bari san EXCO kerajaan negeri, pelabur serta lain-lain kenamaan.

Mengulas lanjut Sulaiman ber kata, koridor itu juga yang akan menjadi medium pertumbuhan baharu dan boleh ekonomi utama yang akan mewujudkan pekerjaan baru, lebih banyak peluang perniagaan dan meningkatkan tahap pendapatan.

"Dari unjuran kami, dijangkakan zon ekonomi ini akan menarik lebih dari RM100 bilion pelaburan dari seluruh dunia dalam jangka masa 15 tahun."

"Ia diharapkan dapat menghasilkan lebih dari 20,000 pekerjaan

baru setiap tahun dengan keutamaan akan diberikan kepada pekerja Malaysia," katanya.

Pelancaran M-WEZ secara rasminya turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan pelabur iaitu Telekom Malaysia Berhad (TM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Leaptec Engineering Sdn Bhd

Lima zon utama M-WEZ adalah Melaka Harbourfront, Smart Logistic Nucleus, Digital Satellite Township, Central Eco Business Park dan Trade Nucleus New Township yang mana kelima-lima zon mempunyai komponen tersendiri dengan fungsi yang saling berkai-

Senarai Pelabur Menandatangani MoU Pada Majlis Pelancaran M-WEZ

- Telekom Malaysia Berhad (TM)
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
- Leaptec Engineering Sdn Bhd

tan.

Koridor berkenaan merupakan cetusan idea Sulaiman bagi menunjukkan komitmen kerajaan negeri bermula Mei 2020 untuk bangkit dan mengeksplorasi sumber kewangan bernilai tinggi dan mampan ekoran dari kesan pandemik COVID-19.



SULAIMAN (dua kiri) bersama Hasim (kiri) melihat model operasi kapal laut yang dipamerkan My Marine Park Sdn Bhd yang juga merupakan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) selepas Majlis Pelancaran M-WEZ di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

M-WEZ bakal dilengkapi pelabuhan terbaik negara - Sulaiman

PROJEK Pelabuhan Tanjung Bruas, di Tanjung Kling yang termasuk dalam koridor ekonomi berimpak tinggi, M-WEZ bakal menjadi pelabuhan terbaik di negara ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, keyakinan itu berdasarkan kedudukannya yang terletak di tengah-tengah Semenanjung Malaysia yang lebih menjimatkan masa dan kos kapal-kapal besar untuk berlalu.

"Berbanding dengan (pelabuhan) di Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Johor, malah Singapura, yang terbaik adalah pelabuhan di Melaka (Pelabu-

han Tanjung Bruas).

"Saya dah lihat 'chart work' Jabatan Laut Malaysia, dengan keluasan pantai dan kedalaman dasar laut yang cukup menarik dan terletak di tengah-tengah Semenanjung, terdapat kira-kira 100,000 kapal melintasi perairan ini setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan sesi ramah mesra bersama kira-kira 30 pengarang kumpulan, ketua-ketua pengarang, pengarang kanan dan pengarang syarikat media cetak dan elektronik di Rumah Melaka, di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Sulaiman ber-

kata, menerusi M-WEZ, koridor tersebut akan mengembalikan kegemilangan Melaka seperti semasa pernah dicapai 700 tahun lalu.

"Koridor ekonomi ini akan mengulang kembali kegemilangan Melaka seperti lebih 700 tahun lalu yang menjadi pusat tumpuan Eropah dan China disebabkan 70 kilometer pesisir pantai di Melaka ini mempunyai kelebihannya yang tersendiri."

"Pelabuhan kita ini akan menjadi laluan yang lebih pantas untuk semua kapal. Kalau tidak kenapa dahulu Laksamana Cheng Ho datang ke Melaka mesti ada sebab," katanya.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah batawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya solat sesegera ketika secara berjemaah lebih utama diajukan solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

12 April 2021 - 18 April 2021 (29 Sya'ban 1442H - 06 Ramadan 1442H)

SUBAH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12 APRIL 2021	5.59 am	7.08 am	1.14 pm	4.25 pm	7.18 pm
13 APRIL 2021	5.59 am	7.07 am	1.14 pm	4.25 pm	7.18 pm
14 APRIL 2021	5.58 am	7.07 am	1.14 pm	4.25 pm	7.18 pm
15 APRIL 2021	5.58 am	7.07 am	1.14 pm	4.26 pm	7.18 pm
16 APRIL 2021	5.57 am	7.06 am	1.13 pm	4.26 pm	7.17 pm
17 APRIL 2021	5.57 am	7.06 am	1.13 pm	4.26 pm	7.17 pm
18 APRIL 2021	5.57 am	7.06 am	1.13 pm	4.27 pm	7.17 pm

Dua elemen penting jadi asas 'kelahiran' M-WEZ

'KELAHIRAN' koridor ekonomi baharu, Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) menjelang 2035 dinilai berdasarkan dua elemen penting yang menjadi kekuatan Melaka sebagai negeri pertama memiliki koridor pesisir pantai pertama di negara ini.

Ia diakui Ketua Pegawai Eksekutif, TRX City Sdn Bhd (TRX City), Datuk Azmar Talib yang merupakan tokoh penting terhadap idea dan visi membangunkan M-WEZ sebagai penggerak ekonomi baharu Melaka selain turut bertanggungjawab terhadap pembangunan projek mega Tun Razak Exchange (TRX) di ibu negara.

Menurut anak jati kelahiran Kampung Durian Daun, Masjid Tanah ini, idea penubuhan koridor ekonomi baharu berimpak tinggi di pesisir pantai Melaka itu timbul selepas beliau melihat terdapat dua asas penting yang boleh menjadi kekuatan M-WEZ berbanding koridor lain seumpamanya di seluruh negara.

"Sebagai anak jati Melaka, saya memahami sebagai sebuah negeri yang kecil dengan sumber ekonomi yang sedikit dan terhad kepada sektor perkhidmatan pelancongan, Melaka memerlukan satu pelaburan baharu melalui perancangan serta visi yang jelas dan teliti.

"Melaka ada dua elemen



SULAIMAN (tengah) bergambar bersama Hasim (dua kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif M-WEZ, Mohd Yusof Abu Bakar (dua kiri) di ruang pameran M-WEZ.

yang maha penting yang tiada di tempat lain. Malah di Malaysia kalau dilihat di bahagian pantai barat Semenanjung hanya Melaka yang mempunyai kualiti ini.

"Dua elemen terbabit adalah kekayaan nilai sejarah sehingga diiktiraf Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dan kedua adalah mempunyai kawasan tepian pantai yang amat baik untuk dijadikan sumber ekonomi baharu," katanya ketika ditemui Melaka

Hari Ini di sini. Mengulas lanjut, Azmar yang juga Ahli Lembaga Penasihat M-WEZ dan berpengalaman selama lebih 20 tahun menerajui pelbagai syarikat hartanah di bawah kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) berkata,

Hari Ini di sini.

Mengulas lanjut, Azmar yang juga Ahli Lembaga Penasihat M-WEZ dan berpengalaman selama lebih 20 tahun menerajui pelbagai syarikat hartanah di bawah kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) berkata,

koridor itu juga penting bagi memastikan ekonomi Melaka tidak terus 'terperangkap' di tahap pertengahan.

"Sekarang ini kita lihat ekonomi kita terperangkap kepada pelancongan bertaraf sederhana yang tidak dapat menarik pembeli atau pelabur yang berada di 'high end level'.

"Sedangkan kita sepatutnya boleh tingkatkan lagi ekonomi dengan menarik minat lebih banyak orang yang berkemampuan untuk berbelanja lebih di Melaka berseuaian dengan kehendak semasa pelabur.

"Pelabur antarabangsa contohnya, mereka mahukan satu tahap pembangunan mampan dan pintar dan Melaka harus menuju ke arah itu melalui penerokaan peluang-peluang ekonomi baharu," katanya.

Menurutnya, M-WEZ juga dilihat sebagai usaha untuk memperbaiki kelemahan lalu yang menyaksikan banyak projek-projek tambakan laut tidak dapat dimajukan dengan baik sehingga merosakkan imej kerajaan negeri.

"Kalau kita lihat sebelum ini kerajaan dah lulus banyak projek tambakan laut tetapi akibat tiada visi yang jelas dan perancangan yang gagal, banyak bangunan-bangunan kosong kerana kemajuan tidak seiring dengan kehendak pasaran.



AZMAR

"Bayangkan, kalau M-WEZ ini kita dapat laksanakan 20, 30 atau 50 tahun dulu apa akan jadi dengan Melaka hari ini? Ia tentunya sudah berubah seperti apa yang kita lihat di Nusa Dua di Bali Indonesia, Gold Coast, Australia dan Bilbao, sebuah kota terbesar di utara Sepanyol," katanya.

Azmar yang telah membangunkan 13 kawasan perbandaran sekitar Lembah Klang antaranya Saujana Impian, Nilai Impian, Kota Bayu Mas, Alam Impian dan KL East berkata, sesebuah kawasan pembangunan pintar dan mampan secara tidak langsung berpotensi untuk menarik minat pelabur.

"Namun ia bukanlah bermakna keputusan dapat dilihat dalam tempoh yang singkat kerana M-WEZ adalah satu pelan masa hadapan yang perjalannya masih jauh untuk diwariskan kepada generasi masa hadapan," katanya.

LBS Bina bangunkan sebahagian koridor ekonomi M-WEZ

ANAK syarikat tidak langsung LBS Bina Group Bhd, (LBS), Leaptec Engineering Sdn Bhd (LESB) menandatangani perjanjian penebusgunaan dan pembangunan (RDA) tanah dengan Melaka untuk membangunkan sebahagian kawasan koridor ekonomi berimpak tinggi, M-WEZ.

Majlis menandatangai perjanjian persefahaman (MoU) RDA itu berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini sempena pelancaran M-WEZ yang disempurnakan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

LBS dalam satu kenyataannya berkata melalui perjanjian itu, LESTB akan membangunkan kawasan seluas kira-kira 485.6 hektar (1,200 ekar) di Tanjung Bruas daripada keseluruhan 10,117 (25,000 ekar) kawasan M-WEZ di sepanjang 33 kilometer (km) pesisir pantai Melaka.

Menurut kenyataan itu, setelah kerja-kerja penambakan, kawasan Tanjung Bruas itu akan dibangunkan menjadi pusat industri dengan kemudahan pelabuhan yang merangkumi logistik dan gudang, pembuatan dan

gas asli cecair (LNG).

"Turut dibangunkan adalah perniagaan yang berkaitan dengan pelabuhan yang terletak di lokasi strategik Tanjung Bruas.

"LBS juga merancang untuk berkerjasama dengan beberapa pihak berkaitan dengan projek penambakan dan pembangunan ini sejajar dengan rancangan kami untuk memperluaskan lagi pemilikan tanah di negeri berdaya maju dan berpotensi seperti Melaka," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Menurut kenyataan itu, melalui pertimbangan hak yang diberikan, kerajaan negeri akan dibayar sebanyak RM94.86 juta yang dirancang untuk dibiayai melalui dana yang diajukan secara dalaman dan pinjaman bank.

MoU tersebut menyaksikan RDA ditandangani antara Pengarah Urusan LESTB Datuk Mohd Anis Hisham Abdul Aziz dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan sambil disaksikan Sulaiman dan Pengurus Eksekutif LBS Tan Sri

Lim Hock San.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Hock San sementara itu berkata, RDA itu memberi peluang kepada LBS untuk memperoleh sebidang tanah yang besar di kawasan pesisir

Selat Melaka yang merupakan laluan maritim paling sibuk di dunia.

"Peluang ini akan mengeratkan lagi hubungan Melaka dan Guangdong, China untuk meneroka pelabuhan dua hala.

"Kami yakin pembangunan industri dan komersial ini akan mem-

beri manfaat memandangkan lokasinya yang strategik sekaligus merancakkan kegiatan ekonomi yang disokong kerajaan negeri," katanya.

Tambahnya, projek mega itu juga diharap dapat memberi sumbangan positif terhadap pendapatan kumpulan sasar di masa hadapan.



HOCK San (kanan) bersama Sulaiman (dua kanan) melihat pelan pembangunan LBS Bina yang dirancang pada sebahagian kawasan M-WEZ.

Foto Sekitar Majlis Pelancaran M-WEZ di Kuala Lumpur Pada 8 April 2021



'Selamat datang Universiti Melaka'

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PUTRAJAYA – Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) secara rasminya dinaik taraf menjadi Universiti Melaka (UniMEL) bermula 7 April 2021.

Perkara itu dimaklumkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam satu kenyataan selepas menyerahkan sijil kelulusan penubuhan naik taraf status universiti penuh kepada Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) kepada Pengurus Jawatankuasa di Jabatan Ketua Menteri (Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknikal & Inovasi Sains Dan Inovasi) negeri Datuk Noor Effandi Ahmad, di bangunan KPT, di sini, pada 8 April lepas.

Majlis penyerahan itu turut dihadiri Ketua Pegawai Pendidikan Tinggi Prof. Datuk Dr. Husaini Omar, Ketua Pegawai Eksekutif MQA Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran dan Naib Canselor KUIM Prof. Datuk Dr. Mohd Taib Dora.

Noor Effandi dalam satu kenyataan di laman Facebooknya menyifatkan watikah rasmi yang diterima KUIM itu sebagai satu sejarah baharu yang tercipta di bumi bersejarah, Melaka.

Katanya, selepas dinaik taraf, UniMEL diyakini akan terus menjadi sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) dengan falsafah pendidikan yang menggabungkan unsur-unsur keimanan, akademik dan vokasional (duniawi dan



MENTERI Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad menyampaikan sijil kelulusan penubuhan naik taraf status universiti penuh kepada Mohd Taib di bangunan KPT, Putrajaya pada 8 April lepas.

ukhrawi) bagi melahirkan golongan yang bertaqwa dan progresif.

"Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah kini memiliki sebuah universiti yang membawa nama Melaka itu sendiri secara spesifik, sebuah nama yang masyhur seantero dunia sejak beratus tahun dahulu.

"UniMEL adalah kelangsungan daripada perkembangan berterusan Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka (KTIAM) yang seterusnya dinaikta-

raf kepada Kolej KUIM pada tahun 2009.

"Selamat datang Universiti Melaka, selamat datang UniMEL, sebuah IPT milik penuh kerajaan negeri Melaka, milik bersama seluruh warga Melaka untuk semua rakyat Malaysia," katanya.

Dalam kenyataan yang sama, Noor Effandi turut mengumumkan Mohd Taib dan Prof. Madya Dr. Ts. Afizan Azman sebagai Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor pertama UniMEL.

Bapa mentua Ketua Menteri meninggal dunia

Farah Suhaidah Othman

MASJID TANAH – Bapa mentua Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali meninggal dunia pada 8 April lepas.

Allahyarham M Yusop Ijang, 83, meninggal dunia akibat sakit tua.

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Pajak Kesang,

Kampung Durian Daun di sini, pada pagi 9 April lepas.

Imam Rawatib, Adnan Yassin.

Turut hadir memberi penghormatan terakhir, Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam dan isteri, Toh Puan Asmah Abd Rahman.

Hadir sama, Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab Rauf Yusof serta Setiau-

saha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan.

Turut memberikan penghormatan terakhir, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuk Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri Datuk Rahmad Mariman, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri Datuk Latipah Omar.



MOHD Ali yang hadir memberi penghormatan terakhir turut menyiram air mawar di pusara bapa mentua Ketua Menteri, Allahyarham M. Yusop Ijang di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pajak Kesang, Durian Daun, Masjid Tanah. FOTO MR. AZLI

M-WEZ: Rakyat lega, harap yang terbaik

FAIZ HASAN

PELAKSANAAN M-WEZ dilihat bakal memberi impak ekonomi yang besar buat Melaka, terutamanya buat rakyat negeri ini amnya, yang dilihat akan memberi manfaat dari segi peluang pekerjaan serta penjanaan ekonomi keseluruhannya.

Rentetan perasmian M-WEZ pada 8 April lepas, tinjauan Melaka Hari Ini mendapat, rata-rata masyarakat negeri ini, terutamanya golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40), amat menantikan detik penubuhan koridor baru bagi merancakkan ekonomi dalam kawasan terlibat.

Bagi Norfarhana Syakila Sahak, 23, dia menyifatkan pelan pembangunan yang dirangka di bawah M-WEZ dilihat amat mengujakan dirinya dan percaya, seluruh rakyat negeri ini meletakkan harapan agar ia dapat memberi faedah lebih kepada orang Melaka.

"Sebagai anak Melaka, sesungguhnya pelan pembangunan M-WEZ ini dilihat merangkumi pelbagai sektor, dan apa yang mustahak ialah peluang pekerjaan lebih 10,000 turut ditawarkan.

"Dengar sahaja mengenai peluang pekerjaan, saya bersama raka-rakan yang lain amat teruja kerana sekurang-kurangnya menjelang tahun 2035, kami dapat menghela nafas lega.

"Pada waktu pandemik COVID-19 ini, segalanya sukar buat kami namun, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri Melaka (Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali) kerana berani merencana pelan M-WEZ ini," katanya.

Muhammad Izwan Shaari, 28, pula berpendapat, menerusi M-WEZ, ia akan membawa imej Melaka sebagai negeri pelabuhan membangun

pada masa akan datang, sekali gus memberi peluang utama Melaka mengaut pelbagai hasil ekonomi di kawasan terlibat.

Menurutnya, melalui limpahan ekonomi tersebut, ia akan memberi pilihan lebih kepada orang Melaka untuk menjana peluang ekonomi baru untuk jangka masa panjang.

"Apabila wujudnya pelbagai pelan projek baru di Melaka ia akan menarik lebih ramai pelabur dari dalam serta luar negara dan ini akan memberi manfaat kepada rakyat Melaka.

"Dengan kesinambungan pelaburan yang bakal mendarat, M-WEZ bakal memberikan pilihan buat orang Melaka untuk mengembangkan lagi peluang ekonomi menerusi perniagaan yang pelbagai kelak," jelasnya.

Sementara itu, Ekhwan Hakim Azmi, 27, mahu pelan pembangunan M-WEZ tidak mengenepikan golongan bawahan, sebaliknya kerajaan negeri perlu utamakan golongan B40 dari segi pelbagai aspek seperti pendidikan, teknologi serta penyediaan infrastruktur awam yang lebih utuh pada masa akan datang.

"M-WEZ ini adalah lembaran baharu buat episod kemajuan Melaka, dan kalau boleh golongan bawahan seperti B40 ini, diperkasakan dari segi pendidikan serta pengenalan teknologi-teknologi semasa.

"Saya amat bersetuju dengan M-WEZ ini, tetapi kalau boleh, biarlah ianya dijalankan secara menyeluruh dan saya amat berharap ia bakal memberikan manfaat besar buat anak Melaka," katanya.



NORFARHANA

Capaian Internet berkelajuan tinggi

Pedalaman Melaka bakal nikmati manfaat besar

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BANDA HILIR – Pembinaan infrastruktur gentian optik jalur lebar oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi syarikat subsidiari Allo Technology Sdn Bhd (Allo), bakal memberi manfaat besar kepada rakyat di negeri ini khususnya di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, melalui pembinaan infrastruktur itu, capaian Internet jalur lebar di negeri ini kini semakin diperluaskan dan mampu menghubungkan lebih 17,000 kediaman terutama di sekitar Alor Gajah dan Jasin.

Ujarnya, memandangkan kemudahan Internet kini menjadi utiliti asas ketiga yang menjadi kayu pengukur tahap pembangunan dan kemajuan sesuatu lokasi selepas elektrik dan bekalan air, inisiatif oleh TNB dan Allo itu amat dihargai selari hasrat kerajaan negeri mentransformasi pembangunan masyarakat digital dan ekonomi digital yang mampang untuk rakyat negeri ini.

"Lebih 95 peratus daripada hampir satu juta penduduk Melaka menggunakan Internet, jadi dengan adanya kemudahan disediakan TNB melalui anak syarikatnya Allo ini membolehkan rakyat mendapat akses dengan cepat, cekap dan efisien kepada maklumat penting pelaksanaan grid pintar.

"Keperluan Internet menjadi semakin penting sejak berlaku pandemik COVID-19 apabila hampir semua perkhidmatan seperti pendidikan, pem-

belian barang, pengangkutan awam, pesanan makanan dan bermacam lagi bentuk perkhidmatan dijalankan secara maya atau dalam talian yang memerlukan kemudahan akses internet yang pantas.

"Jadi saya percaya manfaat yang akan diterima rakyat cukup besar dan pada masa sama saya yakin pihak TNB juga boleh pergi lebih jauh dalam memperluaskan rangkaian jalur lebar ini. Mungkin selepas ini orang kampung dan masyarakat Orang Asli juga bakal memperolehi kemudahan Internet," katanya selepas merasmikan Rangkaian Infrastruktur Jalur Lebar peringkat Negeri Melaka bagi menyokong Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di sebuah hotel, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Pengurus TNB Datuk Seri Mahdzir Khalid; Pengurus Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur negeri Datuk Roslan Ahmad serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Ir Baharin Din.

Sulaiman berkata, kewujudan infrastruktur itu selari hasrat kerajaan negeri mewujudkan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang turut menggariskan Digital Melaka sebagai satu daripada lapan 'flagship' atau tema pembangunannya.

Jelasnya, melalui tema pembangunan dalam PSMJ 2035, kerajaan negeri komited bagi memantapkan infrastruktur telekomunikasi, pemerkaan aplikasi pintar dan kandungan



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW) kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam (kiri) serta tiga individu kenamaan bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021 di Istana Negara, baru-baru ini. FOTO KREDIT FB ISTANA NEGARA

digital (Smart Melaka), tadbir urus digitalisasi kerajaan dan pada masa sama meningkatkan kesedaran masyarakat ke arah pendigitalan.

Sementara itu, Mahdzir berkata, bidang infrastruktur jalur lebar yang diusahakan TNB pada masa kini bukanlah bertujuan untuk memberikan saingan kepada Telekom Malaysia (TM) yang lebih lama mendominasi bidang berkenaan.

Sebaliknya beliau berkata, bidang itu menjadi fokus bidang perniagaan baharu yang boleh melengkapi khidmat yang disediakan TM dalam usaha mengejar jurang digital di bandar dan luar bandar.

"Kita tidak berebut dengan TM, sebaliknya kita melengkapi antara satu

sama lain. Jadi, bagi tempat yang tidak mempunyai capaian dan ada permintaan, TNB akan masuk ke tempat itu menerusi Allo.

"Tapi jika tempat itu dilengkapi infrastruktur TM atau Unifi, kita tidak akan masuk. Apa yang kita lakukan ini juga sebagai menyahut saranan kerajaan melalui inisiatif JENDELA dalam menyediakan rangkaian gentian optik kepada rakyat seluruh negara," kata-nya.

Selepas kejayaan projek rintis di Melaka, TNB turut memperluas perkhidmatan jalur lebar berkenaan ke Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan dengan sasaran capaian 150,000 kediaman menjelang Jun tahun ini.



SULAIMAN (dua kanan) menyempurnakan simbolik perasmian Rangkaian Infrastruktur Jalur Lebar peringkat negeri Melaka yang disaksikan Mahdzir (tiga kiri) dan lain-lain kenamaan, di sebuah hotel di Banda Hilir, baru-baru ini.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondaine87@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMILUDIN
m.azren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMAR SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN
LIANA SAHABUDIN
liyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018-329 9336

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGIKLARAN
NAQUIB TAJUDIN
naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZR
khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalkal.zakaria@melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufazzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my

Eksport produk coklat

Malaysia sasar RM2 billion

Faiz Hasan

BANDARAYA MELAKA – Kerajaan menyasarkan peningkatan dua kali ganda iaitu RM2 billion nilai eksport produk coklat negara tahun ini.

Menteri Perusahaan Perludangan dan Komoditi Datuk Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, ini berikutan industri terbabit menyumbang RM1 billion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu.

Menurutnya, usaha itu perlu dicapai dengan kerjasama semua pihak biarpun negara berdepan dalam pasca penularan pandemik COVID-19.

"Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Program Pembangunan Usahawan Coklat dan Program Promosi Koko telah diperuntukkan sebanyak RM10 juta.

"Peruntukan ini merangkumi skop pengukuhan pasaran, promosi dalam dan luar negara, yang dapat membantu meningkatkan pasaran industri koko dan coklat negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Kursus Asas Pembangunan Usahawan Coklat Buatan Tangan Lembaga Koko Malaysia diadakan di sebuah hotel di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan Warisan dan Kebudayaan negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis dan Pengurus Lembaga Koko Malaysia (LKM) Dr. Aliakbar Gulasan.

Sementara itu Mohd Khairuddin berkata, kementeriannya berhasrat melahirkan kira-kira 1,000 usahawan coklat buatan tangan di negara ini dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Pada RMKe-11 sebelum ini kerajaan berjaya membentuk seramai 232 usahawan coklat buatan tangan yang telah berdaftar dengan Lembaga Koko Malaysia dengan rekod jumlah pendapatan mencecah RM5.81 juta.

"Menerusi inisiatif kerajaan kali ini, kita akan memastikan usaha ini dapat dibentuk dengan pembangunan usahawan baru, menaik taraf usahawan sedia ada, bantuan teknikal, pemantauan prestasi usahawan dan pelbagai aktiviti lain.

"Ini juga merupakan peluang untuk anak muda lepasan universiti menjadi sebahagian usahawan baru untuk menampilkan idea-idea segar termasuklah daripada segi pembungkusan bertaraf antarabangsa dan menjadikan Malaysia terkenal sebagai 'King Of Chocolate', katanya.



MOHD Khairuddin (tengah) diiringi Jailani (kanan) ketika melawat salah sebuah kiosk usahawan coklat yang mengikuti Kursus Asas Pembangunan Usahawan Coklat Buatan Tangan Lembaga Koko Malaysia sejurus menyempurnakan perasmian kursus tersebut di sebuah hotel di Bandaraya Melaka, baru-baru ini.

'Singgit Seposen' galak komuniti kitar semula

AYER KEROH – Kerajaan negeri menerusi Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) hari ini melancarkan Program 'Singgit Seposen' bertujuan menggalakkan orang

ramai membudayakan amalan kitar semula dan pada masa sama meraih pendapatan sampingan melalui penjualan barang terpakai.

Menerusi program itu baran-

gan terpakai yang dikumpul akan dibeli oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) pada mengikut jenis barang.

Pengurus Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri Datuk Wira Ar Ismail Othman berkata, menerusi penjualan barang terpakai itu memberi peluang penduduk Melaka menjana pendapatan sampingan.

Katanya, antara barang buangan yang akan dibeli adalah sisa minyak masak, fabrik dan barang elektrik yang kemudiannya akan dikitar semula oleh agensi itu.

"Inisiatif ini sekali gus mampu menggalakkan rakyat negeri ini mengamalkan budaya kitar semula terhadap barang terbuang.

"Perkara ini adalah inisiatif terbaik kerajaan negeri bagi memastikan masyarakat terus mempunyai kesedaran, malah dapat mengelakkan Pusat Pelupusan Sisa Pepejal di negeri daripada 'ketenatan' akibat menanggung jumlah sampai semakin meningkat," katanya selepas melancarkan Program Singgit Seposen di Wisma Negeri di sini baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Eksekutif Perbadanan Teknologi Hijau Melaka Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Mengulas lanjut, Ismail berkata, satu stesen penimbang akan

disediakan SWCorp di setiap taman perumahan terlibat di negeri ini.

"Stesen penimbang disediakan itu akan memudahkan penduduk menjual barang terpakai kepada pihak SWCorp bagi menyemarakkan amalan kitar semula dalam kawangan komuniti.

"Setakat ini, kita telah mewujudkan stesen berkenaan di beberapa kawasan dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan kita merancang akan memperluaskan ke seluruh Melaka secara berperingkat dari semasa ke semasa," katanya.

Program Singgit Seposen menggunakan konsep pandu lalu, iaitu peserta mendaftar di kaunter pengimbas dengan mengimbas Kod QR MySejahtera sebelum meletakkan barang terpakai di kaunter mengikut kategori sisa yang dibawa.

Peserta kemudian menerima wang di kaunter bayaran dengan sisa minyak masak dibeli RM1 sekilogram, sisa elektronik iaitu alatan elektrik atau elektronik terpakai (RM0.20 sen sekilogram) dan sisa fabrik (RM0.10 sen sekilogram).



ISMAIL memberi wang kepada seorang peserta yang menjual sisa barang ketika melancarkan Program 'Singgit Seposen' di Wisma Negeri, baru-baru ini.

Daerah Masjid Tanah

Pemangkin ekonomi untuk rakyat



BANDAR Masjid Tanah bakal menikmati pembangunan ekonomi dengan adanya tertubuhnya daerah baharu, sekali gus bakal beri manfaat kepada rakyat setempat serta negeri ini amnya.

FOTO MR AZLI

Liana Sahabudin

PENUBUHAN daerah Masjid Tanah dilihat sebagai satu inisiatif yang penting buat rakyat setempat serta Kerajaan Melaka amnya, dalam memastikan pertumbuhan ekonomi akan terus berkembang untuk jangka masa panjang.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berpendapat, langkah penubuhan daerah baharu tersebut bakal memberi impak positif dari sudut pembangunan dan landskap ekonomi Masjid Tanah keseluruhannya.

BERI MANFAAT KEPADA RAKYAT DAN EKONOMI

Jelasnya, segala perubahan tersebut bakal menarik minat kumpulan pelabur untuk datang melabur di Masjid Tanah dan seterusnya memberi pulangan sosio-ekonomi kepada masyarakat di kawasan tersebut.

"Apabila diberikan peluang atau dicadangkan menjadi sebuah daerah baharu sudah pasti ia akan memberi kesan terhadap pembangunan Masjid Tanah itu sendiri."

"Untuk menguruskan sebuah daerah baharu perlu dilengkapi dengan kawasan perindustrian baru ataupun projek-projek baru yang boleh memberi pulangan kepada masyarakat sama ada peluang pekerjaan atau peluang ekonomi," katanya kepada Melaka Hari Ini dalam satu wawancara khas bersama beliau di pejabatnya di Seri Negeri, baru-baru ini.

BAKAL NIKMATI HASIL PEMBANGUNAN

Ujarnya, dengan kemasukan para pelabur ke dalam Masjid Tanah kelak, segala bentuk pembangunan yang bakal dinikmati ra-



AB Rauf

Lebuh Raya Pesisiran Pantai (Coastal Highway) di daerah Masjid Tanah perlu kerana ia merupakan asas kepada keperluan bagi menarik para pelabur.

Utama Sulaiman Md Ali berjalan dengan lancar, sekali gus memberikan faedah yang lebih kepada rakyat.

"Ia mestilah digunakan sepenuhnya untuk masyarakat Masjid Tanah menikmati hasil daripada perancangan yang dibuat Ketua Menteri Melaka (Sulaiman).

"Mungkin lima atau enam tahun lagi apabila Masjid Tanah telah pun dirasmikan daerahnya, maka pembangunan dalam kawasan ini akan lebih pesat," katanya.

PENTINGNYA 'COASTAL HIGHWAY'

Selain itu, beliau turut menekankan betapa pentingnya pembinaan Lebuh Raya Pesisiran Pantai (Coastal Highway) di daerah Masjid Tanah kerana ia merupakan asas kepada keperluan bagi menarik

nya di kawasan ini (Daerah Masjid Tanah).

"Sebab itu kita harapkan pembinaan coastal highway ini dapat disegerakan oleh Kerajaan Pusat bagi membantu penambahbaikan ekonomi di kawasan Masjid Tanah.

"Jika infrastruktur tersebut sudah tersedia, Masjid Tanah akan menjadi pilihan terbaik selain dari Daerah Jasin dan daerah-daerah lain, sekali gus menjadi kawasan ekonomi yang boleh dimajukan," katanya.

MASJID TANAH HAB PENDIDIKAN TERBAIK MELAKA

Di samping memfokuskan pembangunan ekonomi, beliau turut berpendapat, sektor pendidikan harus diperkasakan memandangkan Masjid Tanah mempunyai 11 Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan ini menjadikan daerah Masjid Tanah sebagai hab pendidikan terbaik di negeri ini.

"Jika kita lihat, semua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Masjid Tanah iaitu Taboh Naning, Ayer Limau, Lendu, Tanjung Bidara dan Kuala Linggi,

terdapat IPT yang bertapak di setiap kawasan tersebut.

"Jadi daripada sudut pembangunan, untuk memberikan Masjid Tanah sebagai hab pendidikan, ia mesti diangkat sebagai hab industri pada masa hadapan," katanya.

PACU PENAIKTARAFAN CHALET TEMPATAN

Tambahnya, kewujudan daerah Masjid Tanah adalah amat penting dalam memacu pembangunan ekonomi sektor pelancongan, selain turut akan menggalakkan peningkatan taraf chalet tradisional kepada chalet bertaraf lima bintang.

"Pentingnya untuk kita mewujudkan daerah Masjid Tanah kerana ianya bakal mengubah landskap ekonomi pelancongan di kawasan tersebut.

"Jika hari ini kita lihat di kawasan Masjid Tanah, terdapat sejumlah chalet berkonsepkan tradisional dan dengan adanya daerah baharu ini kelak, chalet tradisional tersebut akan dinaik taraf menjadi chalet bertaraf lima bintang bagi menarik lebih ramai jumlah pelancong," katanya.

INFORMASI MASJID TANAH

Jumlah Penduduk
83,300

Jumlah Kawasan
Dewan Undangan
Negeri (DUN) - 5

01
Mukim
14

02
Kampung
60

03
Cukai Tanah
Tahunan
RM5,668,557.40

04
Jumlah Keluasan
31,622.97
Hektar

Jumlah Sekolah
dan IPT

Sekolah : 41
Institut Pengajian
Tinggi (IPT) : 11





Tahniah
Setinggi-tinggi



kepada

**Y.A.B. DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

Ketua Menteri Melaka Merangkap Pengurus Lembaga
Pengarah Kolej Universiti Islam Melaka

atas pengiktirafan

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)

dinaiktaraf ke

UNIVERSITI MELAKA (UNIMEL)

Ikhlas Daripada

Naib Canselor dan Seluruh Warga KUIM –
Universiti Melaka (UNIMEL)

JAIM kenal pasti ‘port’ ponteng puasa

Farah Suhaidah Othman

BUKIT BARU – Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) mengenal pasti beberapa ‘kawasan panas’ dipercayai menjadi tumpuan segelintir masyarakat Islam makan atau minum secara terbuka di siang hari pada Ramadan.

Pengaruhnya Datuk Md Azhan Samat sehubungan itu berkata pihaknya menasihatkan kepada penjual makanan di negeri ini untuk mematuhi peraturan kerajaan negeri dari semasa ke semasa dan menghormati kedatangan bulan suci itu bagi mengelak tindakan.

Katanya, bagi memastikan orang ramai termasuk penjual dan pembeli terus menghormati Ramadan, penguat kuasa JAIM akan menjalankan pemantauan di beberapa lokasi dikenal pasti itu.

“Ketika Ramadan sudah tentu kita tidak boleh menjual makanan awal, jadi juallah makanan pada waktu sesuai, biasanya orang hendak ber-

buka puasa, peniaga makanan tidak jual jam 11 pagi sebaliknya jam 3 ke atas.

“Kami akan memantau dari satu lokasi ke satu lokasi dan biasanya kita memeriksa kira-kira 10 kawasan tumpuan yang telah dikenal pasti.

“Insya-Allah kita akan teruskan pemantauan setiap hari sepanjang Ramadan,” katanya ketika ditemui di pejabat Jabatan Mufti Negeri di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau turut meminta orang ramai bekerjasama dengan agensi agama Islam bagi menyalurkan maklumat sekiranya berlaku ketidakpatuhan premis makanan yang menawarkan penjualan makanan kepada umat Islam secara terbuka pada waktu siang.

“Masyarakat sendiri perlu menjadi ‘mata’ kepada agensi penguatkuasaan agama Islam bagi melaporkan sebarang maklumat berkaitan untuk memudahkan JAIM memantau premis makanan terba-



“Kami akan memantau dari satu lokasi ke satu lokasi dan biasanya kita memeriksa kira-kira 10 kawasan tumpuan yang telah dikenal pasti.”

bit.

“Ia mudah sahaja...umat Islam yang makan di khalayak ramai dan peniaga menawarkan hidangan makanan secara terbuka, ia adalah satu kesalahan,” katanya.

Farah Suhaidah Othman

Inisiatif Satu Taman Satu Polis akan diperluaskan

AYER KEROH – Melaka menjadi perintis program Satu Taman Satu Polis dalam usaha Polis Diraja Malaysia (PDRM) menangani isu jenayah di kawasan taman perumahan.

Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman Datuk Zainal Abidin Kasim berkata, program itu hasil inisiatif Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd Ali.

Katanya, idea berkenaan dicadangkan lebih awal lagi, namun akibat beberapa kekangan program itu tidak dapat dilaksanakan.

“Program ini akan dikawal selia oleh JPJKK Bukit Aman dan perkara ini akan diajukan kepada kepimpinan tertinggi PDRM Bukit Aman sebelum diperluaskan ke negeri lain, setelah Polis Melaka menjalankan tiga bulan kajian impak mengenai program berkenaan selepas dilancarkan.

“Kita mohon setiap polis dilantik sebagai pegawai perhubungan bekerjasama dengan jawatankuasa penduduk di taman masing-masing bagi menangani permasalahan dan jenayah di kawasan taman perumahan,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Satu Taman Satu Polis di Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK), di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd Ali dan Ketua Penolong Pengarah Dasar Sumber JPJKK Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Saiman Kasran.

“Program itu diyakini dapat menangani masalah jenayah di kawasan taman perumahan dan memupuk kejiranahan selamat.”

Zainal Abidin berkata, program itu diyakini dapat menangani masalah jenayah di kawasan taman perumahan dan memupuk kejiranahan selamat.

Dalam pada itu, Abdul Majid berkata setakat ini tujuh taman perumahan di negeri ini sudah mempunyai tujuh pegawai perhubungan polis.

“Bagi fasa kedua sebanyak 20 taman perumahan akan ditempatkan pegawai perhubungan polis,” katanya.

Bagi daerah Melaka Tengah, taman perumahan yang terbabit program itu adalah Taman Cempaka, Taman Merdeka Jaya, Taman Bukit Katil Damai 2, manakala di Jasin membabitkan Taman Asia Selatan dan Taman Seri Simpang.

Di Alor Gajah pegawai perhubungan polis ditempatkan di Taman Samarinda dan Taman Bandar Baru.

Angkasa Nuri

SIAP DENGAN CCC (BUMI UNIT)

RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT
HARGA HOC dari **RM337,500**

SIAP DENGAN CCC (BUMI UNIT)

RUMAH BANGLO 2 TINGKAT
RM540,000

SIAP DENGAN CCC (BUMI UNIT)

RUMAH BANGLO 2 TINGKAT
RM780,000

E **D** **E** **D**

JAYMUDA GROUP 佳 雅 集 團

Permaju:
Skyline Resources (M) Sdn Bhd (405057-V)
D8-08 Plaza Jayamuda, Jalan Pelendok Putih, 75300 Melaka.
Tel: 012 252 8858 (Salbiah) Fax: 06-284 5740
06-283 5442 www.jaymuda.com



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Pahala wakaf sentiasa berpanjangan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

WAKAF dari segi bahasa bermaksud berhenti, menegah dan menahan manakala dari segi istilah, wakaf adalah menahan benda agar tidak dimiliki serta supaya manfaatnya boleh disedekahkan.

Sebaik sahaja diwakaf maka jadi lah pemilikan harta itu beralih kepada pemilikan Allah SWT.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Apabila matinya seorang manusia, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya."

Sebahagian ulama mentafsirkan perkataan 'sedekah jariah' dalam hadis itu dengan maksud wakaf, seperti mana kata Imam al-Raf'i'i.

Pahala sedekah jariah akan terus mengalir kepada orang yang melakukannya sedangkan sedekah lain, pahalanya tidak berterusan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf.

Golongan ulama mengemukakan pengertian wakaf dengan jelas antaranya : Ibn Hajar al-Haitami menyebut takrif wakaf sebagai: "Menahan harta yang mungkin boleh dimanfaatkan selama bendanya masih baik dengan cara memutuskan hak pemilikan atas harta tersebut dan dialihkan untuk kepentingan-kepentingan yang dibolehkan."

Ibn Qudamah turut mendefinisikan wakaf sebagai: "Menahan pokok (zat harta) dan menyedekahkan buah (hasil)." manakala Sayyid Sabiq menyebut wakaf ialah menahan benda yang menjadi milik pewakaf

|| Wakaf memutuskan segala bentuk hak dan penguasaan pewakaf ke atas harta yang diwakafkan yang mana orang yang mewakafkan hartanya akan diganjarkan pahala berkekalan selama mana harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan ke arah kebaikan serta tidak musnah. ||

dan menyedekahkan manfaatnya di jalan Allah SWT.

Sementara itu, Wahbah al-Zuhayli menyatakan, wakaf ialah menahan harta benda yang kekal zatnya serta boleh dimanfaatkan bagi tujuan kebaikan dan ia diserahkan kepada pihak yang ditentukan dengan harapan dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dapat difahami, wakaf dertiakan sebagai amalan menyerahkan sebahagian harta dimiliki untuk dimanfaatkan masyarakat Islam khususnya bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Wakaf memutuskan segala bentuk hak dan penguasaan pewakaf yang atas harta yang diwakafkan yang mana orang yang mewakafkan harta yang akan diganjarkan pahala berkekalan selama mana harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan ke arah kebaikan serta tidak musnah.

Sudah tentu ia berbeza dengan sedekah lain sebagai contoh seseorang mewakafkan wang RM10 untuk pembinaan masjid dan selagi mana

masjid itu kekal, selagi itu pahala akan mengalir kepada pewakafnya.

Bagi sedekah pula seperti seseorang menyedekahkan RM10 kepada peminta sedekah dan wang berkenaan digunakan untuk membeli makanan bagi menghilangkan kelaparan.

Setelah makanan itu habis, pahala sedekah hanya setakat itu saja dan Islam amat menggalakkan di samping melakukan sedekah, rebutlah peluang untuk berwakaf sama ada dalam bentuk wang tunai, aset dan sebagainya.

Seperti sedia maklum, di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) turut disediakan perkhidmatan wakaf yang menjurus kearah pewakafan pelbagai kaedah lebih-lebih lagi pada ketika urusan wakaf sangat digalakkan bagi meningkatkan ekonomi umat Islam.

Di MAIM, terdapat beberapa kategori wakaf yang disediakan antaranya wakaf khas, wakaf am dan juga wakaf saham.

Umat Islam yang berniat untuk melaksanakan syariat wakaf boleh

hubungi MAIM Seksyen Wakaf di talian 06-2837416 atau layari laman web www.maim.gov.my.

Sebagai kemudahan bersama, pihak MAIM turut akan turun padang memberi penerangan dan pen-

cerahan berkaitan manfaat wakaf di sekitar negeri ini bagi memberi peluang dan ruang pahala kepada umat Islam yang berniat untuk mewakafkan sebahagian harta mereka demi jalan Allah SWT.



**PERKHIDMATAN
SEMAKAN ARAH KIBLAT
RUMAH PERSENDIRIAN**

**RM100
3 STICKER PERCUMA**

062847920 / 062847921
US SAIFULLAH / US IDZWAN

www.muttimelaka.gov.my Jabatan Mufti Negeri Melaka @MuttiMelaka

JOM BERWAKAF

"Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat"

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-



KEPRIHATINAN Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM turun ke lokasi rumah mangsa kebakaran di daerah Alor Gajah dan turut disampaikan sumbangan wang tunai bagi meringankan beban mangsa menghadapi kehidupan sehari-hari.

SKUAD Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM diketuai Pegawai Agihan Zakat Melaka Tengah, Nazri Rahim menyampaikan bantuan wang tunai kepada adik Muhammad Irsyad Danish yang menghidap sakit jantung berlubang serta batu karang yang agak serius. Keluarga adik Muhammad merupakan asnaf MAIM yang telah menerima bantuan secara bulanan sejak tahun 2018.



KETUA Pegawai Eksekutif (CEO) Zakat Melaka (ZM), Datuk Ibrahim Fadzil hadir menyaksikan serahan katil kepada asnaf, Rasul Limon dan Mariah Baba oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) pada Program Ziarah Kasih DUN Duyong.



JOM BERWAKAF
“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”
Apabila *matinya anak Adam*, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu
sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh
yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-

<https://www.iwakaf.maim.gov.my/>

Salam Ramadhan

Al-Mubarak 1442H - 2021M

Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kerana keimanan dan ketaatan kepada Allah, serta mengharapkan keredhaanNya, akan diampunkan semua dosanya yang telah lepas"
Riwayat Bukhari Muslim



1442H | Jadual Waktu Imsak & Berbuka Puasa

BAGI SELURUH NEGERI MELAKA

Hari	Tarikh Hijriah	Tarikh Miladiah	Waktu Imsak	Waktu Subuh	Waktu Berbuka
SELASA	*1 (Ramadhan)	13 APRIL	5:49 pagi	5:59 pagi	7:18 malam
RABU	2	14 APRIL	5:48 pagi	5:58 pagi	7:18 malam
KHAMIS	3	15 APRIL	5:48 pagi	5:58 pagi	7:18 malam
JUMAAT	4	16 APRIL	5:47 pagi	5:57 pagi	7:17 malam
SABTU	5	17 APRIL	5:47 pagi	5:57 pagi	7:17 malam
AHAD	6	18 APRIL	5:47 pagi	5:57 pagi	7:17 malam
ISNIN	7	19 APRIL	5:46 pagi	5:56 pagi	7:17 malam
SELASA	8	20 APRIL	5:46 pagi	5:56 pagi	7:17 malam
RABU	9	21 APRIL	5:45 pagi	5:55 pagi	7:17 malam
KHAMIS	10	22 APRIL	5:45 pagi	5:55 pagi	7:17 malam
JUMAAT	11	23 APRIL	5:45 pagi	5:55 pagi	7:16 malam
SABTU	12	24 APRIL	5:44 pagi	5:54 pagi	7:16 malam
AHAD	13	25 APRIL	5:44 pagi	5:54 pagi	7:16 malam
ISNIN	14	26 APRIL	5:44 pagi	5:54 pagi	7:16 malam
SELASA	15	27 APRIL	5:43 pagi	5:53 pagi	7:16 malam
RABU	16	28 APRIL	5:43 pagi	5:53 pagi	7:16 malam
KHAMIS	17	29 APRIL	5:43 pagi	5:53 pagi	7:16 malam
JUMAAT	18	30 APRIL	5:43 pagi	5:53 pagi	7:16 malam
SABTU	19	1 MEI	5:42 pagi	5:52 pagi	7:16 malam
AHAD	20	2 MEI	5:42 pagi	5:52 pagi	7:16 malam
ISNIN	21	3 MEI	5:42 pagi	5:52 pagi	7:16 malam
SELASA	22	4 MEI	5:41 pagi	5:51 pagi	7:16 malam
RABU	23	5 MEI	5:41 pagi	5:51 pagi	7:16 malam
KHAMIS	24	6 MEI	5:41 pagi	5:51 pagi	7:16 malam
JUMAAT	25	7 MEI	5:41 pagi	5:51 pagi	7:15 malam
SABTU	26	8 MEI	5:40 pagi	5:50 pagi	7:15 malam
AHAD	27	9 MEI	5:40 pagi	5:50 pagi	7:15 malam
ISNIN	28	10 MEI	5:40 pagi	5:50 pagi	7:16 malam
SELASA	**29	11 MEI	5:40 pagi	5:50 pagi	7:16 malam
RABU	30	12 MEI	5:40 pagi	5:50 pagi	7:16 malam

*TERTAKLUK KEPADA PENSYIHTARAN PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA MALAYSIA

**TARIKH MELIHAT HILAL SYAWAL TERTAKLUK KEPADA PENSYIHTARAN PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA MALAYSIA

Lensa Serahan Projek MyHaus 2021 Kerjasama JAWHAR & MAIM



MENTERI Di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri menyampaikan replika kunci rumah kepada asnaf MAIM, Norfaraliza Nordin.



RUMAH asnaf yang telah siap dibaik pulih.



KIOSK makanan antara bantuan yang diterima Norfaraliza.



DR Zulkifli bertanya khabar keluarga berkenaan.



KEPRIHATINAN
Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM Cawangan Merlimau menyampaikan sumbangan wang tunai kepada mangsa ribut, Rolgayah Ismail di DUN Merlimau. Turut disampaikan sumbangan kit makanan bagi meringankan beban keluarga berkenaan.

Ke Manakah Wakaf Anda?

Jam Berwakaf
Wakaf Tunai Melaka

Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja

Kaedah bayaran #1
MELALUI
POTONGAN GAJI SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2
Download
APPS e-WALLET BOOST

Kaedah bayaran #3
Bayar di Kaunter Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4
MELALUI AKAUN BANK
BANK ISLAM (MAIM)
0401 5010 0174 34

Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan

Pembangunan Hartanah Wakaf

Pembaikan Hartanah Wakaf

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



SMART A+

SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : MATEMATIK

"JOM SERTAI KELAS TUISYEN 2021
BERSAMA KIBGIM" /n "Hubungi Kami :
011-15116270 / 019-2886270".

TIPS SKOR A MATH

- Hafal formula yang tidak disediakan
- Tulis formula penting selepas pengawas memberi keizinan menjawab soalan
- Jawab soalan yang mudah dahulu
- Bulatkan soalan yang masih belum dijawab
- 15 minit terakhir perlu digunakan untuk menyemak semula jawapan dari kecualian semasa penulisan

SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 4

NOMBOR DAN OPERASI NUMBERS AND OPERATIONS

- $a^m \times a^n = a^{m+n}$
- $a^m \div a^n = a^{m-n}$
- $(a^m)^n = a^{mn}$
- $a^{\frac{m}{n}} = (a^m)^{\frac{1}{n}}$
- Faedah mudah / Simple interest, $I = Prt$
- Faedah kompaun / Compound interest,
$$MV = P(1 + \frac{r}{n})^{nt}$$
- Jumlah bayaran balik / Total repayment,

$$A = P + Prt$$

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1)- MATEMATIK KERTAS 1)

- Cari nilai $1.5 - 0.945 \times 0.3$ dan bundarkan jawapan itu betul kepada tiga angka bererti.
Find the value of $1.5 - 0.945 \times 0.3$ and round off the answer correct to three significant figures.

- A. 1.216
B. 1.220
C. 1.217
D. 1.226

- Carinilai $\frac{5.13 \times 10^{-3}}{(3 \times 10^{-5})^2}$
Find the value of $\frac{5.13 \times 10^{-3}}{(3 \times 10^{-5})^2}$

A. 1.71×10^7
B. 1.71×10^6
C. 5.7×10^7
D. 5.7×10^6


- Ungkapkan 1234_4 sebagai nombor dalam asas enam.
Express 1234_4 as a number in base six.

A. 305_6
B. 315_6
C. 304_6
D. 314_6

- Diberi $6622_7 - N = 557_7$, cari nilai N .
Given $6622_7 - N = 557_7$, find the value of N .

A. 6032_7
B. 6033_7
C. 10532_7
D. 7179_7

- Rajah 1 ialah gambar rajah Venn yang menunjukkan $\xi = A \cup B \cup C$
Diagram 1 is a Venn diagram which shows $\xi = A \cup B \cup C$



Antara berikut yang manakah yang mewakili kawasan berlorek?

- A. $A \cap (C \cup B')$
B. $A \cap (C' \cap B)$
C. $A \cup (C \cap B)'$
D. $A \cup (C \cup B)'$

Jawapan:

- $$\begin{aligned} 1.5 - 0.945 \times 0.3 \\ = 1.5 - (0.945 \times 0.3) \text{ (hukum operasi)} \\ = 1.5 - 0.2835 \\ = 1.2165 \text{ bundar pada 3 angka bererti} \\ = 1.22 \text{ (B)} \end{aligned}$$
- $$\begin{aligned} 2. \frac{5.13 \times 10^{-3}}{(3 \times 10^{-5})^2} &= \frac{5.13 \times 10^{-3}}{3^2 \times 10^{-10}} \text{ (hukum kuasa (formula 3) indeks)} \\ &= \frac{5.13 \times 10^{-3}}{3^2 \times 10^{-10}} \\ &= (5.13 \div 9) \times 10^{-3-(-10)} \text{ (hukum bagi (formula 2) indeks)} \\ &= 0.57 \times 10^7 \text{ (tukar dalam bentuk piawai)} \\ &= 5.7 \times 10^{-1} \times 10^7 \text{ (hukum darab (formula 1) indeks)} \\ &= 5.7 \times 10^6 \text{ (D)} \end{aligned}$$

- $3. 1234_4 \rightarrow \text{asas } 6$

1	2	3	4
4^3	4^2	4^1	4^0


$$\begin{aligned} &= (1 \times 4^3) + (2 \times 4^2) + (3 \times 4^1) + (3 \times 4^0) \\ &= 64 + 32 + 12 + 4 \\ &= 112 \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 6 \mid 12 \quad \text{baki} \\ 6 \mid 18 \quad \xrightarrow{\rightarrow 4} \\ 6 \mid 3 \quad \xrightarrow{\rightarrow 0} \\ 0 \quad \xrightarrow{\rightarrow 3} \end{array} = 304_6 \text{ (C)}$$


$$\begin{aligned} 4. \quad 6622_7 - N &= 557_7, \\ N &= 6622_7 - 557_7, \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 1+7=8 \\ \boxed{1} \quad \boxed{2+7=9} \\ 6622_7 \\ - 557_7 \\ \hline 6032_7 \\ =(A) \end{array}$$

- 5.



Langkah 1: Letak nombor pada setiap kawasan



Langkah 2: Jawapan di cari = 2

Langkah 3: Senaraikan:

$$\begin{aligned} \xi &= 1, 2, 3, 4 \\ A &= 1, 2, 3 \quad A' = \xi - A = 4 \\ B &= 2, 3, 4 \quad B' = \xi - B = 1 \\ C &= 3 \quad C' = \xi - C = 1, 2, 4 \end{aligned}$$

Langkah 4:

Pada jawapan A:

$$A \cap (C \cup B')$$

$$= 1, 2, 3 \cap ([3] \cup [1])$$

$$= 1, 2, 3 \cap (1, 3)$$

$$= 1, 3 \text{ (bukan)}$$

Pada jawapan B:

$$A \cap (C' \cap B)$$

$$= 1, 2, 3 \cap ([1, 2, 4] \cap [2, 3, 4])$$

$$= 1, 2, 3 \cap (2, 4)$$

$$= 2 \text{ (ya)}$$

Kesimpulannya, $A \cap (C' \cap B)$ mewakili kawasan berlorek.

Bantu Rumah Anak-Anak Yatim Darul Aitam

MUBARAK Melaka kumpul RM50,000

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PERNU – Majlis Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) Negeri Melaka mengumpul dana berjumlah RM50,000 bagi membantu Rumah Anak-anak Yatim Darul Aitam, Bukit Pegoh, di sini.

Yang Dipertuaannya Datuk Nazari Adzim berkata, dana itu hasil sumbangan orang ramai termasuk kenalan dalam kerajaan serta ahli-ahli perniagaan menerusi Program Jiwa Murni yang dianjurkan pihaknya.

Beliau berkata, usaha itu dilakukan bertepatan dengan slogan MUBARAK untuk terus berkhidmat kepada masyarakat walaupun tidak lagi mempunyai jawatan dalam kerajaan.

"Alhamdulillah walaupun dalam situasi pandemik COVID-19, nilai sumbangan yang diperolehi melebihi sasaran awal dan kita memilih



MOHD Ali (dua dari kiri) dan Nazari (kiri) menyampaikan replika cek kepada Pengurus Pertubuhan Rumah Anak-anak Yatim Darul Aitam, Nuha Idris dalam Program Jiwa Murni, baru-baru ini.

Rumah Anak-anak Yatim Darul Aitam untuk menerima sumbangan ini.

"Ini merupakan peringkat pertama sumbangan untuk membantu 60 anak yatim yang ada di sini dan selepas ini untuk peringkat kedua, kita akan mencari dana

membabitkan aspek fasiliti rumah anak yatim ini kerana aspek keselamatan penghuni juga harus dititikberatkan," katanya yang ditemui selepas Program Jiwa Murni MUBARAK Negeri Melaka 2021, baru-baru ini.

Majlis itu disempurnakan dengan kehadiran Yang Dipertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam dan dirasmikan oleh Pengurus Jawatankuasa Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas Datuk Noor Effandi Ahmad.

Dalam pada itu, Nazari yang juga bekas ADUN Merlimau berkata, MUBARAK Melaka yang ditubuhkan sejak 1999 sehingga kini masih aktif dalam aktiviti kebajikan khususnya membabitkan program ziarah ahli-ahli atau

bekas wakil rakyat yang sudah uzur.

Selain itu, katanya, pihaknya turut mengadakan Program Mutiara MUBARAK Melaka iaitu program anak angkat yang bertujuan membimbing anak-anak berusia 13 tahun dan ke atas ke arah kejayaan.

Jelasnya, sehingga kini seramai 70 anak angkat berada di bawah pemantauan MUBARAK Melaka merangkumi anak-anak di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen di negeri ini.

"Kita mahu melihat anak-anak ini mencapai kejayaan walau apa jua bidang yang dipilih mereka kelak."

"Pada masa sama, kita turut mengimpikan agar ada antara anak-anak ini mendapat jawatan tertinggi dalam kerajaan termasuk menjadi Ketua Menteri suatu hari nanti," katanya.

TAMAN PASIR EMAS

CIRI-CIRI MENARIK

- ✓ PEGANGAN BEBAS (FREEHOLD)
- ✓ Sedia diduduki dengan CCC
- ✓ Hanya 10 minit ke pusat bandar dan Melaka Raya



HARGA DARIPADA

RM 7xx,xxx.xx

**RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT
(SEMI-D) 40' X 85'
5 Bilik + 2 Utiliti + 5 Bilik Air**

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :
Yakin Kenari Sdn. Bhd.
014-3314363 (Puan Sue)
018-7725854 (Ms Cindy)
06-3354363 (Pejabat)



PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN

A new idea on Malay culture and civilization in Malaysia's recent history was first brought to the nation's attention by University of Malaya's (UM) Malay Studies scholar, Professor Mohd. Taib Osman. In his Tun Sri Lanang lecture in the early 1970s, the first of a series of lectures organized by the then Ministry of Culture, Youth and Sport, Mohd. Taib highlighted certain aspects of Malay culture to foster the growth of a national Malaysian culture based on the formula arrived at the National Culture Congress held in 1970.

Mohd. Taib, who later became UM's fifth vice-chancellor, highlighted the archaeological findings of American professor Wilhelm G. Solheim in northeast Thailand. The findings pointed to an early dating of rice culture in Southeast East Asia, a discovery that went against the belief that rice planting and other cultural artefacts spread from China, conceived as the cradle of civilization in this region. Mohd. Taib was condemned for holding such a view. In highlighting Solheim and similar others, he had challenged mainstream knowledge (science) and subverted popular theories of a China-centric human civilization in the East.

These were found in Mohd Taib's Foreword to the book titled *The Malay Civilization* (2007) written by Mohd. Aroff Ishak, a member of the Malaysia Historical Society. The author first drafted his manuscript in the mid 1980s. He however put it aside for some time, and only decided to publish his work some two decades later.

Mohd Aroff, a former senior civil servant, an honest and committed scholar of Malay history and civilization, had challenged the writing and historiography of the region in that "the approach to the history of Southeast Asia and the contents thereof have been determined by writers and scholars foreign" to it. He also took exception to the foreign sources in the historical reconstruction of the Malay



Ideas on Civilization: The Homeland Basis for Malaysia's National Culture

THE area covered by Malay culture is extremely broad, compared to other major cultures in Asia, extending beyond the conventionally understood definition of Asia, and westward to the island of Madagascar, off the south-eastern coast of Africa. CREDIT PHOTO FB KELAB INTEGRITI EKONOMI ANAK MELAYU

Archipelago. And then there is the traditional neglect on the insignificant role the Southeast Asians, in particular the role of the Malays, in global history.

Scholarship and theoretical constructions do have their prejudices. There has been a consistent bias in favour of the "great traditions" of India and China. And hence prejudice against new findings and interpretations that could suggest a revision of history. Blazing the trail earlier was Solheim, who wanted

called Southeast Asia was due exclusively to influences from China and India.

He had overturned the hypothesis by Robert Heine-Geldern, an Austrian pre-historian and a member of Vienna School subscribing to a logical-positivist view of the world. Heine-Geldern believed that the Malays in the Malay Archipelago originated from present-day southern China. This belief found its way into Malay consciousness through recent times. Subsequently dubbed as the "Out-of-

// Scholarship and theoretical constructions do have their prejudices. There has been a consistent bias in favour of the "great traditions" of India and China. And hence prejudice against new findings and interpretations that could suggest a revision of history. Blazing the trail earlier was Solheim, who wanted to establish a new Southeast Asian prehistory. //

to establish a new Southeast Asian prehistory. He had questioned the classical view that the peoples and cultures of the Malay Archipelago originated from outside the region, and that the appearance of civilization in what is also

Yunnan" theory, the Heine-Geldern hypothesis has been discredited.

Heine-Geldern's idea of three waves of migration into Southeast Asia was based on the primary proposition of axe-types (adzes). The axes are said to be related to ethno-linguistic roots. The oldest adzes to be brought to southeast Asia, which were earlier thought to have originated from Yunnan, have been adjudged to be native of the Malay Archipelago. Linguistically scholars have not found any traces of the Malay languages in southern China.

Mohd. Aroff's book, much subdued and understated, was one of the earliest conscious attempts in Malaysia to challenge existing views on Malay civilization by collectively engaging in a number of theoretical assumptions and nomenclatures in the scholarship. Essentially, his study delves into the pre-history of Asia, and that of the Malay civilization, transcending the Malay Archipelago. Writings and the scholarship on this subject have variably used terms like "Malay," "Malayan," "Indonesian," "Austronesian" and "Malayo-Polynesian."

To the author, the term "Austronesia" is rather abstract for popular consumption; and would be misleading as well. The word resonates the geography - land of habitation. "Australia," as in Australia, refers to the islands/land of the south. Strictly speaking, it is not the

name of an ethnic group nor the name of a race.

The term "Malayo-Polynesian" is a hybrid – "Malayo" deriving from Malay, and "Polynesian" referring to geography, literally "many islands". The book used the term Malay, instead of Austronesia or Malayo-Polynesian, to refer to the large family group. In the study of civilizations, the author has suggested the nations of West Asia (or the Middle East), and the Indian subcontinent today "belong more, or are closer to, the Indo-European cultural complex. "True Asia," in the sense of peoples and cultures therefore extends from Tibet to the Far East including all of the islands in the Pacific Ocean.

The area covered by Malay culture is extremely broad, compared to other major cultures in Asia, extending beyond the conventionally understood definition of Asia, and "westward to the island of Madagascar, off the south-eastern coast of Africa. The author of *The Malay Civilization* proposes that there are two major ancient civilizations in Asia – one is the Chinese civilization, much written and studied; and the other Malay, under-studied and under-narrated, maligned and misunderstood. The latter, only gaining attention within the last two decades, "affords the opportunity to correct the long Sino-centric tendency on Asian civilizations."

Mohd Ariff's work shifts the paradigm by replacing the two great Asian traditions of India and China, where the Malay tradition is captured by the Javanese term "Nusantara," which carries the meaning "islands between two continents." In its place, he proposes the two great Asian traditions as the Malay and the Chinese as two polar civilizations with the smaller Asian civilizations such as the Thai, Mon-Khmer and others in between.

Thus, following that argument, the geo-cultural area that is present-day Indo-China and its proximities, would fall under the name Sino-Malay. The homeland narrative may yet move beyond the orthodoxy.

NEXT WEEK: Bandung

Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTACIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



CERTAIN aspects of Malay culture to foster the growth of a national Malaysian culture based on the formula arrived at the National Culture Congress held in 1970. CREDIT PHOTO UTPWRIG.MEDIUM.COM

Sempena Bufet Ramadan

'Citarasa Melaka' keunikan MTC Hotel



MITC Hotel kini kembali dengan tawaran buffet Ramadan dan menjanjikan kepuasan buat para pelanggan.

(FOTO KREDIT MITC HOTEL, GAMBAR SEBELUM PKP)

MITC Hotel bukan satu nama yang asing buat orang Melaka serta pelancong luar, apakah lagi dengan menu popularnya iaitu Kari Kepala Ikan Asahan yang sering mendapat permintaan tinggi dari para pelanggan.

Memasuki bulan Ramadan, MTC Hotel mempertaruhkan hidangan buffet dengan harga RM68 untuk dewasa dan RM28 kanak-kanak, bermula 14 April sehingga dua hari sebelum Aidilfitri.

Bertemakan 'Citarasa Chef Rahim', buffet Ramadan MTC Hotel kali ini menyaksikan 170 jenis makanan ditawarkan oleh hotel yang bertapak di Pusat Dagangan Antara bangsa Melaka (MTC), Ayer Keroh itu.

Pengurus Besarnya Sazali Sabri berkata, tema tersebut diolah menerusi citarasa Chef Rahim yang merupakan chef tersohor di negeri ini, sekali gus mengangkat hidangan citarasa Melaka keseluruhannya.

Jelasnya, daripada 170 jenis maka-



SAZALI

nan tersebut, pihaknya akan akan mengadakan lima 'circle menu' yang mana setiap menu akan dihidang secara berulang sehingga akhir Ramadan.

"Untuk tahun ini, MTC Hotel menyediakan buffet Ramadan bertemakan Citarasa Chef Rahim yang merupakan chef tersohor di Melaka.

"Lebih 170 hidangan tersedia serta ada lima 'circle menu', jadi kita mulakan daripada menu satu sampai lima sehingga ia berulang-ulang hingga akhir Ramadan. Promosi buffet Ramadhan ini akan berakhir pada dua hari sebelum Hari Raya Aidilfitri.

"Menariknya, kami menyediakan makanan asli Melaka dan sememangnya kami bawakan khas untuk orang Melaka dan penggemar makanan negeri ini amnya," katanya.

Katanya, untuk promosi, pihak MTC Hotel juga telah mengedarkan baucer penghargaan 20 peratus dan 30

peratus kepada lebih 70,000 orang Melaka, klien utama serta klien berpotensi yang ada dalam senarai sistem data maklumat hotel tersebut.

"Kami lebih memberikan keutamaan kepada rakyat Melaka dan buat masa ini, kami sudah edarkan lebih dari pada 70,000 baucer 'early bird' kepada orang Melaka serta klien yang berada dalam senarai sistem database kami.

"Setiap baucer tersebut, kami sudah edarkan bermula hujung Januari lepas dan hasil kerja keras kumpulan pemasaran kami, Alhamdulillah setiap baucer sampai kepada setiap pelanggan yang kami sasarkan," jelasnya.

Ujar Sazali, pelbagai menu menarik bakal disajikan MTC Hotel termasuklah asam pedas, bubur sumsum, kambing golek, sate, murtabak dan hidangan pilihan ramai iaitu kari kepala ikan.

Selain itu, MTC Hotel juga bakal membawakan persembahan berbentuk muzik asli secara maya yang akan dilancarkan awal bulan depan.

Tambahnya, pelbagai promosi dan diskon hebat ditawarkan pihak MTC Hotel bukan sahaja dalam penyediaan makanan, sebaliknya pakej-pakej penginapan yang masih mendapat tempahan memberangsangkan setakat ini, biarpun pintu sempadan belum dibuka.

RESIDENSI
Bukit Katil

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka

DISKAUN REBAT
10% + 10%*

HARGA BERMULA DARIPADA
RM 186,300*

*Tertakluk pada terma & syarat



Kemudahan Yang Ditawarkan:

- Surau
- Tadika & Taska
- Dewan Serba Guna
- Taman Permainan Kanak-kanak

Kediaman Kontemporari Menepati Cita Rasa Masa Kini



JENIS B1: 1,000 kps
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air

AG BUMI HARTANAH

RAKAN JUALAN PRIMA (AG BUMI HARTANAH)

510 Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000, Melaka

Pejabat: 06 - 286 5120

wiramagr@gmail.com

Isnin - Jumaat
(9.00 Pagi - 5.00 Petang)



www.pr1ma.my

Ibu Pejabat PRIMA

03 - 7628 9898

Isnin hingga Ahad (9.00 pagi - 6.00 petang)

E-mel: info@prima.my

Muat turun aplikasi PRIMA sekarang



PEMAJU: PRIMA CORPORATION MALAYSIA GALERI: TINGKAT BAWAH, BLOK F, NO. 2, JALAN PIJU 1A/7A, OASIS DAMANSARA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR. TEL: 603-7495 8888 FAX: 603-7840 0268 • Nombor lesen Permu: 14169-4501-2021014338 • Tempat Suh Laku: 16/1/2020 - 15/1/2021 • Nombor Permit Iklan dan Jualan: 14169-4501-2021014338P • Tempat Suh Laku: 16/1/2020 - 15/1/2021 • Pihak Berkuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersegerah • Nombor Permohonan Diliyuskan: MMB/GB/001/1/02/2016/9 • Pembangunan Penurunan: Residensi Bukit Katil • Bilangan Unit: 527 • Jenis Rumah: Apartment • Harga Jenis A (minimum) RM20,000 (maximum) RM30,000 • Harga Jenis B (minimum) RM25,000 (maximum) RM297,000 • Harga Jenis C (minimum) RM25,000 (maximum) RM297,000 • Pegangan Tanah: Pegangan Bebas Tanah Adat Melaka • Sekatan Keperingatan: Tiada • Belahan Tanah: Tiada • Tarikh Dijangka Step: Mac 2023



DR. SHANKAR GUNARASA





ANDA mungkin pernah terdengar atau terlihat kepada kawan anda atau keluarga anda sendiri bila procedur kolostomi di buat ke atas mereka. Tidak kah anda tertanya tanya kenapa kolostomi atau usus stoma di lakukan? Memang sesuatu yang tidak di senangi oleh pesakit dari segi psikologi bila cara pembuangan najis bukan lagi dari dubur tetapi dari stoma di abdomen.

Apakah itu sebenarnya? Kenapakah stoma di lakukan untuk seseorang pesakit? Kolostomi adalah pembedahan yang dilakukan untuk mengatasi berbagai jenis penyakit usus besar. Ini berlaku bila najis susah di keluarkan dari usus besar di sebabkan oleh penyakit usus besar ini, termasuk

- Penyakit usus IBD seperti Crohns atau Ulcerative Colitis.
- Barah kolorektal terutamanya barah rektum.
- Radang usus yang menyebabkan kebocoran seperti diverticulitis.
- Kebocoran usus dari pelbagai sebab seperti "blunt trauma" atau "penetrating trauma".

Kolostomi ini bersifat sementara atau permanent (kekal seumur hidup) dan untuk ko-



Kolostomi atau stoma usus: Apakah anda perlu tahu ?

Ilostomi sementara, pakar bedah akan menentukan bila masa yang sesuai untuk kolostomi itu di tutup. Kebanyakannya akan di tutup dalam jangka masa 6 bulan, itu pun ter takluk kepada keadaan kesihatan pesakit. Stoma terdapat dua jenis iaitu kolostomi dan ileostomi. Jika kolostomi dibentuk pada bahagian usus besar dan dibawa keluar hingga kebahagian perut (abdomen), ilostomi pula dibentuk pada bahagian usus kecil. Pesakit yang mempunyai kolostomi perlu mengubah pemikiran mereka dan membuang rasa malu atau takut untuk membuat pembedahan stoma. Pesakit stoma boleh menjalani kehidupan seperti biasa walaupun terpaksa bersama beg stoma sepanjang masa kerana pesakit yang telah menjalani penbedahan boleh makan pelbagai makanan seperti sebelum pembedahan dan tiada sebarang pantang larang dalam pemakanan kecuali bagi yang mengalami penyakit seperti masalah jantung, kencing manis atau darah tinggi kerana mereka perlu mengikut nasihat pemakanan daripada pakar nutrisi. Stoma sepatutnya berwarna merah atau merah jambu. Tisu yang membuat stoma adalah lapisan usus, dan harus lembab dan berkilat. Ia sangat serupa dengan penampilan di dalam mulut anda. Kulit yang paling dekat dengan stoma akan di jahit dengan lapisan usus stoma semasa prosedur pembedahan. Kulit tersebut akan terjengkel tetapi ia akan menjadi normal.

Tanda tanda masalah stoma adalah seperti berikut

- Stoma tidak lagi merah atau merah jambu, tetapi kelihatan pucat.
- Stoma tidak lagi lembab dalam penampilan, atau kelihatan kering.


- Stoma anda sangat gelap, dan kelihatan warna merah tua, ungu atau hitam.
- Lapisan mucosa stoma berulcer atau bernanah.
- Stoma kelihatan seolah-olah "dicekik" oleh perkakas.
- Anda merasa sakit dari stoma.
- Stoma anda kelihatan menarik diri ke dalam perut anda atau berkembang di luar abdomen anda.
- Kulit di sekeliling stoma kelihatan dijangkiti dan/atau merah atau kemarahan dalam penampilan.
- Sakit kulit, mempunyai sensasi yang membakar atau perubahan warna.

- Kulit anda mengalami luka atau kerosakan di sekeliling stoma atau di mana perkakas terletak.

Yang paling mustahak adalah penjagaan stoma. Peralatan khas untuk mengumpul najis dan tapak stoma dan cara pemasangan yang betul perlu di pelajari oleh pesakit dan juga keluarga. Beg stoma perlu di cuci selalu untuk mengelakkan berbau. Di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka, saya mempunyai jururawat yang bertauliah untuk mengajar pesakit tentang penjagaan kolostomi yang betul.

Yang paling utama ialah pesakit boleh menjalani kehidupan yang biasa seperti berriadah dan menjalani aktiviti bersukan. Janganlah malu atau beranggapan negatif tentang stoma.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan kolostomi dan penjagaan kolostomi anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



Kolostomi adalah pembedahan yang dilakukan untuk mengatasi berbagai jenis penyakit usus besar. Ini berlaku bila najis susah di keluarkan dari usus besar di sebabkan oleh penyakit usus besar ini.



FAIZ HASAN

KEUNIKAN belacan yang menjadi simbolik bahan tradisi dalam makanan Melaka terus kekal diwarisi di negeri ini.

Bahan perasa dalam masakan yang di proses berasaskan anak udang atau dikenali geragau telah dibentuk dengan pelbagai penyediaan rapi bagi memastikan ia kekal bersih dan selamat digunakan.

Di Melaka terdapat banyak perusahaan membuat belacan yang kebanyakannya dipelopori golongan nelayan yang menetap di pesisir pantai Melaka.

Pengusaha Belacan Mak Long Tanjung, Jamilah Atan, 67, berkata, belacan yang dibuatnya hanya menggunakan geragau dan garam sahaja sebelum proses pengeringan dilakukan di premisnya.

Jelasnya, belacan Melaka berbeza dengan produk dibuat segelintir pengusaha lain yang kebanyakannya turut menggunakan bahan seperti isi ikan, nasi, keledek dan pewarna sebagai bahan tambahan.

Katanya, bahan tambahan terbabit akan menambahkan lagi kuantiti bagi menghasilkan lebih banyak belacan demi mengaut keuntungan yang banyak.

"Itulah sebabnya ada belacan bewarna gelap dan agak berbau menyebabkan ia tidak mampu bertahan lama di pasaran.

"Apapun kaedah yang digunakan, kami kekal menggunakan kaedah tradisional bagi memastikan kualiti produk kekal sempurna terutama dalam faktor kebersihan," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

Usahawan wanita itu hanya dibantu Ama-

nah Ikhtiar Malaysia (AIM) sejak 2002 dan kini perusahaannya dipelopori empat generasi.

Jamilah yang mesra dengan panggilan Mak Long berkata, produk belacannya telah berjaya menempa nama di setiap negeri Malaysia malah ada juga pelanggan setianya yang mengharapkan bekalannya tiba di Singapura dan Brunei.

"Ilmu pembuatan belacan ini diturunkan dari ibu mentua saya dan kini diwarisi sehin-gga ke anak cucu.

"Dalam sehari jika cuaca panas kami mampu menghasilkan kira-kira 500 keping belacan yang dijemur selama lima hari bagi memastikan ia benar-benar kering sebelum dipasarkan.

"Aspek kebersihan dan nilai sukatan yang betul menjadi garis panduan kami sebelum memasarkan belacan ini bagi memastikan pengguna berpuas hati dengan produk kami," katanya.

Mak Long berkata, sehingga kini dia berjaya mengupah lima pekerja sekali gus membantu penduduk kawasan itu menjana pendapatan sampingan terutama yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

"Alhamdulillah, segala kerja keras dengan bantuan dan sokongan keluarga dapatlah kami menjana pendapatan sekali gus mempertahankan tradisi yang menjadi simbolik kepada negeri ini.

"Berniaga ini memerlukan niat yang betul dan tekad berusaha sendiri, barulah perjalanan perniagaan itu berjalan dengan lancar," katanya.

Belacan Melaka tawan hati pengguna

SEBANYAK 500 keping belacan dihasilkan premis itu menerima permintaan pasaran negara termasuk Singapura dan Brunei.



PELBAGAI bentuk belacan dihasilkan Jamilah pada perniagaan yang kini diwarisi empat generasi di Tanjung Kling.



PROSES membalikkan belacan yang telah dijemur merupakan antara teknik yang penting digunakan dalam penghasilan produk itu bagi memastikan ia benar-benar kering sebelum dipasarkan.

Inisiatif sanitasi masjid

Din Ahmad

PANTAI KUNDOR - Walaupun Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sudah dilaksanakan, program sanitasi masjid penting dibuat bagi memastikan rumah ibadat itu bebas daripada penularan virus berkenaan.

Menyedari hal itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Datuk Nor Azman Hassan tampil menyumbang mesin semburan nyahkuman dan sanitasi kepada sembilan masjid di sini.

Beliau turut menyampaikan sumbangan kurma, air galian dan sejadah serta wang tunai RM2,000 untuk kegunaan jemaah, terutama ketika Ramadan kelak.

Sekali gus pengurusan sembilan masjid di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Kundor di sini tidak perlu lagi menunggu pihak tertentu melakukan sanitasi di masjid masing-masing.

Pengerusi Masjid al-Mohsinin Pantai Kundor, Rahmad Bakar, 58, berkata beliau bersyukur menerima alat berkenaan kerana selama ini, pihak masjid hanya berharap pada kerja sanitasi secara percuma yang dilakukan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Alhamdulillah, dengan adanya mesin ini, bolehlah kami melakukan

sanitasi secara berjadual berbanding keadaan sebelum ini yang hanya berharap pada sumbangan amal jariah NGO," katanya ketika ditemui di masjid itu baru-baru ini.

Pengerusi Masjid Ibdur Rahman, Tangga Batu, Samsudin Ajis, 78, berkata mesin asap itu diyakini mampu meningkatkan tahap kebersihan dalam masjid.

Beliau berkata, sumbangan kurma dan wang berkenaan akan dimanfaatkan untuk kegunaan anak kariah sepanjang Ramadan yang dijangka bermula Selasa depan.

Setiausaha Masjid as-Sobirin Kampung Gelam Mohd Zainudin Mohd Yusof, 62, berkata, mesin berkenaan penting untuk membantu memelihara persekitaran dalam dewan solat daripada virus yang menyebabkan pandemik berkenaan.

Selain sembilan masjid, sebanyak 22 surau diberikan sumbangan air minuman dan kurma bagi membantu program berbuka puasa di surau.

Peruntukan barang itu tidak termasuk sumbangan yang bakal diberikan kepada anggota komuniti sepanjang Ramadan kelak bagi membantu mereka menyambut Aidilfitri dengan gembira, katanya.



NOR AZMAN (kanan) menunjukkan cara menggunakan mesin asap untuk melakukan sanitasi di beberapa masjid utama dalam kawasan DUN Pantai Kundor.

Kalau sudah minat, usia bukan penghalang

PANTAI KUNDOR – Pada usia 71 tahun, pesara kerajaan Bokhari Samaon belum mahu 'menggantung' pendayung kayak yang sudah menjadi temannya sejak usia belasan tahun.

Setiap kali mengunjungi pusat peranginan yang menyediakan kayak untuk tetamu, warga emas itu tidak akan melepaskan peluang untuk berkayak.

Bekas Pengurus Felda Plantation itu ternyata masih cekap mengendalikan kayak, terutama ketika membelok ke kanan atau kiri atau berundur.

"Semasa muda, saya boleh mendayung dengan laju dan kayak meluncur bagaikan menggunakan enjin motor sangkut tetapi sekarang tenaga semakin kurang, cukuplah sekadar mendayung perlahan.

"Walaupun tenaga sema-

kin pudar, kaedah mengendalikan haluan kayak sama ada ke kiri atau kanan dan seumpamanya, masih 'melekat' pada tangan ini," katanya ketika ditemui berkayak di Pantai Puteri, Tanjung Kling di sini, baru-baru ini.

Bokhari bersama-sama isteri dan lima pasangan suami isteri yang seusia mereka menginap di sebuah pusat peranginan di pantai berkenaan selama satu malam.

Mereka mengambil kesempatan itu untuk berkelah di pantai dan menyediakan makan tengah hari, selain menikmati kesegaran udara nyaman.

Bokhari berkata, berkayak bukan setakat memerlukan tangan yang kuat, malah pinggang yang mampu bertahan untuk mengumpulkan kekuatan tenaga bagi memastikan kayak mampu meluncur di muka ombak.

Katanya, kaedah menahan pergerakan kayak dengan menggunakan dayung amat penting bagi mengelakkan kayak tersasar daripada haluan yang ingin dituju.

"Kami sengaja memilih



BOKHARI (kiri) berkayak dengan Mohd Rashid Mohamad (tengah) dan Muaz Baharudin di Pantai Puteri, Tanjung Kling, baru-baru ini.

hari bekerja untuk menginap di pusat peranginan di sini dan berkelah di pantai kerana jika kami memilih hujung minggu,

sudah pastilah pantai ini dipenuhi orang ramai," katanya.

Beliau berkata, langkah pihak pengurusan pusat peranginan itu menyediakan kayak dan jurulatihnya harus dipuji

kerana ia menggalakkan lebih ramai remaja menceburi sukan berkenaan.

Sementara itu, jurulatih Mohd Rashid Mohamad, 26, berkata Kelab Kayak Pancing yang diwakilinya bekerjasama dengan pusat peranginan Qashrina Resort untuk menyediakan sembilan kayak.

"Kadar sewaan kayak RM15 sejam dan RM120 sehari bagi mereka sama ada baru belajar atau yang sudah mahir mendayung kayak.



BOKHARI mula berjinak dengan aktiviti berkayak sejak usia belasan tahun.

KenTeam pemilik baharu MUFC

Muhd Rizanizam Hamid

SYARIKAT pengeluar sarung tangan, KenTeam Sdn Bhd (KenTeam) kini menjadi pemilik baharu Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) apabila memegang 70 peratus saham kelab berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MUFC Datuk Saiful Mat Sapri berkata, baki 30 peratus lagi saham masih dipegang Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) sekaligus menyaksikan kedua-dua pihak bergabung untuk meningkatkan lagi prestasi MUFC.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan nilai pelaburan dibuat CEO KenTeam, Datuk Justin Lim terhadap kelab itu namun mengesahkan pengambilan tidak membabitkan pertukaran pengurusan sedia yang masih diberi kepercayaan untuk mentadbir pasukan sepanjang musim ini.

"Walaupun KenTeam adalah pemilik baharu MUFC, hasil perbincangan kita dengan Datuk Justin, beliau juga akan bersama-sama MUSA untuk menstabilkan dan menaikkan imej bola sepak negeri Melaka yang kita tengok begitu hambar (prestasinya)



SULAIMAN (tengah) menyaksikan penyerahan memorandum antara Justin (dua kiri) yang kini menjadi pemilik baharu MUFC dan Saiful (tiga kiri) pada majlis MoU di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur baru-baru ini.

tahun lepas.

"Setakat ni belum ada perubahan (pengurusan) lagi yang kita nak buat cuma kita minta dari aspek latihan dapat memainkan peranan penting dari segi taktikal," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Menandatangani MoU Antara MUFC dan KenTeam di Hotel Royale Chulan, di sini hari ini.

Majlis disaksikan Ketua Menteri Melaka merangkap

Presiden MUSA, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Seri Dr Hasim Hasan dan Timbalan Presiden Presiden MUSA Datuk Wira Mohd Yusoff Madihi.

Mengulas lanjut Saiful berkata, dengan pemilikan baharu itu pemain tidak akan berdepan dengan masalah

tunggakan gaji kerana kewangan KenTeam yang mencukupi untuk melunaskan gaji pemain sehingga akhir tahun ini

"Jadi tak ada alasan lagi tak boleh main kerana tidak ada gaji. Pemain tak perlu risau kerana saya sudah berbincang dengan dengan Datuk Justin yang mana kita rasa keuangan akan cukup sampai hujung tahun ni."

"Jumlah hutang sebelum ini tu tak banyak cuma ada

baki yang agak minimum dan akan akan diselesaikan secepat mungkin oleh MU-SA," katanya.

Sementara itu Justin yang enggan mendedahkan nilai pelaburan dibuat berkata pihaknya mempunyai beberapa perancangan untuk menaikkan semula imej MUFC melalui kerjasama dengan MUSA.

"Kita akan bekerjasama untuk membawa MUFC ke peringkat seterusnya dan kami akan memberi sokongan ke-

wangan dan moral kepada pemain untuk memastikan kejayaan kelab," katanya.

Majlis itu turut menyaksikan pelancaran jersi ketiga MUFC berwarna biru keluaran Al-Ikhsan Sports dan perasmian bas MUFC.

MUFC Februari lalu melancarkan jersi baharu pasukan bagi menghadapi saingan Liga Super musim 2021 dengan pilihan warna hijau muda sebagai warna bagi jersi utama atau jersi tuan rumah (home).

Zii Jia, Chong Wei ada persamaan - Misbun

JUARA perseorangan lelaki All England 2021 Lee Zii Jia mempunyai persamaan dengan bekas pemain nombor satu dunia dan jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei, kata legenda badminton tanah air Datuk Misbun Sidek.

Pengarah Teknikal skuad badminton remaja negara itu berkata persamaan tersebut dapat dilihat dari segi keupayaan serta karisma Zii Jia, 23, selain pembawaan dirinya dalam meniti kerjaya menjadi seorang pemain terbaik di persada dunia.

"Kalau pada usia muda macam ni, dengan pukulan padu dan kuat, cara dia menerima tekanan di perandingan besar, ini baru dua kali dia bermain di All England. Tahun lepas dia dapat masuk ke separuh akhir dan tahun ini jadi juara.

"Jadi ciri-ciri dan karisma (yang ada pada Chong Wei) itu ada (pada dirinya), cara dia membawa dirinya (seperti Chong Wei) memang ada," katanya ketika ditemui pemberita di Istana Negara semalam selepas menghadiri jamuan teh bersama skuad All England 2021

negara.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah baru-baru ini berkenan meraiakan skuad negara ke Kejarian All England 2021 dalam Majlis Jamuan Teh di Istana Negara.

Zii Jia mencipta sensasi dalam arena badminton negara selepas

merangkul gelaran sulung All England bulan lepas dengan menumbangkan nama besar badminton seperti pemain nombor satu dunia dari Jepun Kento Momota pada suku akhir sebelum menewaskan juara bertahan dari Denmark Viktor Axelsen pada final.

"Tetapi sekarang ini bagaimana nak membentuk dia (Zii Jia) ke arah yang lebih tangkas dan jitu lagi dari keseluruhan aspek. Mak-

sudnya dari segi fizikal, teknik, taktil, mental dan deria rasanya," kata Misbun.

Selaku individu bertanggungjawab mencungkil bakat serta membentuk Chong Wei dan Zii Jia, Misbun berpendapat Zii Jia perlu memberi tumpuan bagi meningkatkan aspek kecergasan fizikal untuk menjadi seorang pemain yang lebih stabil dalam kesemua kejohanan peringkat tertinggi. - BERNAMA

LIGA SUPER MALAYSIA 2021 Jadual perlawanan Melaka United FC

PERLAWANAN ke - 8

UITM FC

MELAKA UNITED FC

STADIUM UITM, SHAH ALAM

SABTU, 10 APRIL 2021

9.00 pm

PERLAWANAN ke - 9

MELAKA UNITED FC

SELANGOR FC

STADIUM HANG JEBAT, MELAKA

AHAD, 18 APRIL 2021

9.00 pm

PERLAWANAN ke - 10

PERAK FC

MELAKA UNITED FC

STADIUM PERAK, IPOH

AHAD, 9 MEI 2021

9.00 pm

PERLAWANAN ke - 11

MELAKA UNITED FC

KDA FC

STADIUM HANG JEBAT, MELAKA

SELASA, 18 MEI 2021

9.00 pm

www.melakahariini.my
Facebook
Instagram
Twitter
Melaka Hari Ini
Melaka TV
Grafik : Melaka Hari Ini
Sumber : melakauitedfc.com



PERSAMAAN tersebut dapat dilihat dari segi keupayaan serta karisma Zii Jia selain pembawaan dirinya dalam meniti kerjaya menjadi seorang pemain terbaik di persada dunia seperti Chong Wei.



Setinggi-tinggi Tahniah

kepada

WARGA BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

sempena

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-18 BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

15 April 2021

setulus ikhlas daripada

YBhg. Datuk Zainal bin Hj. Abu
Datuk Bandar, Barisan Pengurusan Tertinggi
dan Seluruh Warga Kerja Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah





Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-18

Bandaraya Melaka Bersejarah

Pada

15 April 2021

Ikhlas daripada



Mamee-Double Decker (M) Berhad

Lot 1, Air Keroh Industrial Estate, 75450 Melaka, Malaysia. Tel: +606-232 4466/232 4469 Fax: +606-232 9696

www.mamee.com